



Oleh Presiden Thomas S. Monson

# Kasih Sayang— Intipati Injil

*Kita tidak boleh benar-benar sayang Tuhan kalau kita tidak sayang teman seperjalanan kita di perjalanan fana ini.*

Saudara-Saudari yang terkasih, apabila Tuhan melayan di antara manusia, Dia ditanya oleh peguam yang ingin tahu, “Guru, hukum manakah yang terutama dalam hukum Taurat?”

Matius mencatat bahawa Yesus membalas:

“Kasihilah Tuhan, Rajamu, dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu.

“Itulah hukum yang terutama dan yang pertama.

“Dan hukum yang kedua, yang sama dengan itu, ialah: kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri.”<sup>1</sup>

Markus menghabiskan catatannya dengan perkataan Juruselamat: “Tidak ada hukum lain yang lebih utama daripada kedua hukum ini.”<sup>2</sup>

Kita tidak boleh benar-benar sayang Tuhan kalau kita tidak sayang teman seperjalanan kita di perjalanan fana ini. Juga, kita tidak boleh sayang teman kita dengan penuh kalau kita tidak sayang Tuhan, Bapa kepada kita semua. Rasul Yohanes memberitahu

kita “dan perintah ini kita terima dari Dia Barangsiapa mengasihi tuhan, ia harus mengasihi saudaranya.”<sup>3</sup> Kita semua anak rohani Baya Syurgawi kita, dan, sebab begitu, adik-beradik satu sama lain. Semasa kita ingat kebenaran ini, untuk sayang semua anak Tuhan akan lebih senang.

Sebenarnya, kasih sayang adalah intipati injil yang sebenar dan Yesus Kristus adalah teladan kita. Kehidupan dia adalah legasi kasih sayang. Yang sakit dia sembuh; yang susah dia angkat; yang berdosa dia selamatkan. Pada akhir, kumpulan perusuh yang marah mengambil nyawa-Nya. Tetapi dari bukit Golgota ada perkataan “Ya bapa, ampunilah mereka, sebab mereka tidak tahu apa yang mereka perbuat”<sup>4</sup>—sebuah pernyataan yang tertinggi di kehidupan fana akan belas kasihan dan kasih sayang.

Ada banyak sifat yang adalah pernyataan kasih sayang, macam kebaikan hati, kesabaran, tidak mementingkan diri, kefahaman, dan pengampunan. Dalam semua perhubungan kita, ini dan sifat lain akan

menyatakan kasih sayang yang ada dalam hati kita.

Biasanya kasih sayang kita akan dinyatakan dalam interaksi seharian kita satu sama lain. Kemampuan kita untuk mengenali keperluan seseorang dan membalas adalah yang terpenting. Saya selalu suka apa yang dinyatakan dalam syair yang pendek ini:

*Saya pernah menangis  
Atas ketidaksedaran  
Yang kepada keperluan orang lain  
buat saya buta  
Tetapi saya belum pernah  
Rasa sesal apa pun  
Kerana terlalu baik hati*<sup>5</sup>

Baru-baru ini saya menyedari sebuah teladan yang menyentuh hati tentang kebaikan hati yang penuh kasih sayang—suatu teladan yang akibatnya tidak terlihat pada mula. Pada tahun 1933, semasa Zaman Meleset Besar, peluang untuk bekerja adalah jarang. Tempat cerita ini pada bahagian timur Amerika Syarikat. Arlene Biesecker baru mendapat ijazah dari sekolah menengah. Selepas pencarian pekerjaan yang lama, akhirnya dia mendapat pekerjaan di satu kilang pakaian. Pekerja kilang itu dibayar untuk setiap helai pakaian yang mereka jahit dengan betul setiap hari. Lebih banyak mereka hasilkan, lebih banyak mereka dibayar.

Satu hari tidak lama selepas bermula bekerja di kilang, Arlene menghadapi prosedur yang keliru-keliru dan frustrasikan dia. Dia duduk di mesin jahit dia mencuba untuk

membetulkan percubaan dia yang tidak berhasil supaya dia boleh menghabiskan pakaian itu yang padanya dia bekerja. Kelihatan tidak ada orang untuk membantu dia, sebab semua penjahit lain sedang cuba sedaya upaya untuk habiskan sebanyak pakain mungkin. Arlene rasa tanpa harapan dan tanpa bantuan. Secara sunyi dia bermula menangis.

Di seberang Arlene Bernice Rock duduk. Dia lebih tua dan berpengalaman sebagai penjahit. Dia tengok bahawa Arlene ada masalah, jadi, dia meninggalkan pekerjaannya dan pergi kepada Arlene untuk memberi dia arahan dan bantuan. Dia tetap di sana sampai Arlene berkeyakinan dan boleh habiskan pakaian itu dengan betul. Selepas itu, Bernice balik kepada mesian jahit dia sendiri, dengan sudah hilang pengalaman untuk habiskan sebanyak pakaian mungkin, sebab dia membantu Arlene.

Dengan tindakan yang penuh kasih sayang ini saja, Bernice dan Arlene menjadi kawan sepanjang hidup mereka. Dua-dua akhirnya berkahwin dan beranak. Pada tahun 1950-an, Bernice, yang adalah ahli gereja, memberi Arlene dan keluarga dia satu Kitab Mormon. Pada tahun 1960, Arlene dan suami dan anaknya dibaptiskan sebagai ahli gereja. Nanti mereka dimeteraikan di bait suci Tuhan.

Sebagai akibat kepada belas kasihan yang ditunjuk oleh Bernice semasa dia menyusahkan diri untuk membantu seorang yang dia tidak kenal, tetapi yang ada masalah dan perlu bantuan, orang yang tidak terkira, yang hidup dan yang sudah mati, sekarang menikmati tatacara injil yang menyelamatkan.

Setiap hari dalam kehidupan kita kita diberi peluang untuk tunjuk kasih sayang dan kebaikan hati kepada mereka yang mengelilingi kita. President Spencer W. Kimball berkata: "Kita harus ingat bahawa orang fana yang kita berjumpa di tempat letak kereta, pejabat, lif, dan tempat lain adalah orang-orang itu dari manusia

yang Tuhan sudah beri kita untuk menyayangi dan melayani. Tidak bermanfaat kepada kita untuk bercakap tentang persaudaraan manusia yang umum kalau kita tidak menganggap mereka yang di sekeliling kita sebagai saudara-saudari."<sup>6</sup>

Kerap kali peluang kita untuk tunjukkan kasih sayang kita datang tanpa diharapkan. Contohnya tentang peluang begitu terjadi dalam rencana surat khabar pada bulan Oktober 1981. Saya kagum oleh kasih sayang dan belas kasihan yang diceritakan dalam rencana itu sampai saya simpan kutipan darinya lebih dari 30 tahun.

Rencana itu bercakap bahawa satu pesawat Alaska Airlines yang tidak berhenti dari Anchorage, Alaska ke Seattle, Washington—satu pesawat yang ada lebih dari 150 penumpang—mengubah haluannya ke satu bandar Alaska yang jauh untuk mengangkut seorang budak yang cedera secara serius. Anak yang berumur dua tahun itu terputus arteri dalam lengannya apabila dia jatuh ke atas kaca semasa main dekat rumah dia. Bandar itu 725 km selatan dari Anchorage dan bukan pada haluan pesawat itu yang betul. Walaupun begitu, doktor di sana sudah menyiarkan permintaan untuk bantuan yang sangat frantik, jadi pesawat itu menguah haluan untuk mengangkut anak itu dan membawa dia ke Seattle supaya dia boleh dirawat di hospital.

Apabila pesawat itu mendarat dekat dengan bandar yang jauh itu, doktor-doktor memberitahu pemandu kapal terbang bahawa anak itu berdarah begitu banyak sampai dia tidak boleh hidup sepanjang perjalanan ke Seattle. Keputusan dibuat untuk terbang 320 km lagi dari haluan yang asal ke Juneau, Alaska, bandar yang terdekat yang ada hospital.

Selepas membawa budak itu ke Juneau, pesawat pergi ke Seattle, sekarang beberapa jam lambat. Tak satu pun penumpang yang merungut, walaupun kebanyakan dari mereka akan lambat ke temu janji dan pesawat

sambung. Sebenarnya, semasa menit dan jam berlalu, mereka mengumpul duit sampai agak banyak untuk budak itu dan keluarganya.

Apabila pesawat hampir mendarat di Seattle, penumpang bersorak apabila pemandu kapal terbang mengumumkan bahawa dia sudah dengar dari radio bahawa budak itu akan hidup.<sup>7</sup>

Saya berfikir tentang firman tulisan suci: "Tetapi kasih ihsan adalah kasih suci Kristus, dan ia bertahan untuk selamanya; dan sesiapa yang didapati memilikinya pada hari terakhir, maka akan baiklah kesudahannya."<sup>8</sup>

Saudara-Saudari, sebahagian dari peluang kita yang terbesar untuk menunjukkan kasih sayang kita akan terjadi dalam rumah kita sendiri. Kasih sayang harus menjadi pusat kehidupan keluarga, tetapi banyak kali tidak begitu. Boleh ada terlalu banyak ketidaksabaran, terlalu banyak pertengkaran, terlalu banyak perkelahian, dan terlalu banyak air mata. Presiden Gordon B. Hinckley mengesali: "Kenapa mereka yang kita paling sayang menjadi begitu kerap kali sasaran kepada perkataan yang paling susah kita? Kenapa kita kadang-kadang bercakap macam perkataan kita pisau belati yang melukai."<sup>9</sup> Jawapan kepada soalan ini mungkin berbeza untuk setiap dari kita, tetapi pada akhirnya sebab itu tidak bermakna. Kalau kita mahu menepati perintah untuk menyayangi satu sama lain, kita harus memperlakukan satu sama lain dengan kebaikan hati dan hormat.

Pasti akan ada masa bila disiplin diperlukan. Tetapi semoga kita ingat nasihat yang ada di Ajaran yang Perjanjian - yaitu apabila kita perlu membetulkan orang, kita tunjukkan kasih sayang yang lebih besar selepasnya.<sup>10</sup>

Saya berharap bahawa kita akan berusaha untuk selalu bertimbang rasa dan sensitif kepada fikiran dan perasaan dan keadaan mereka di sekeliling kita. Semoga kita tidak menghina atau mengecil-ngecilkan

orang. Kita harus hati-hati supaya tidak memusnahkan keyakinan orang lain dengan perkataan atau tindakan yang kurang hati-hati.

Pengampunan harus bersama kasih sayang. Dalam keluarga, dan juga dengan kawan-kawan, kadang-kadang ada persaan luka dan pertentangan pendapat. Sekali lagi, tidak berapa penting berapa kecil masalahnya. Hal itu tidak boleh diabaikan untuk membarah, dan akhirnya untuk memusnahkan orang. Penyalahan menghalang luka dari sembuh. Hanya pengampunan yang menyembuhkan.

Seorang perempuan yang baik yang sudah meninggal melawat saya satu hari dan tanpa dijangka memberitahu saya tentang beberapa perasaan sesal. Dia bercakap tentang kejadian yang terjadi banyak tahun lalu dan melibatkan seorang pekebun yang adalah jiran, seorang yang dulu adalah kawan baik tetapi yang dengannya dia dan suaminya tidak bersetuju pada beberapa kali. Satu hari pekebun ini minta kalau dia boleh ikut jalan pintas melalui tanahnya untuk sampai ke tanah pekebun itu sendiri. Kemudian, perempuan ini berhenti dalam cerita dia, dan, dengan suara yang gementar, bercakap, "Brother Monson, saya tidak membiarkan dia melalui tanah kami pada masa itu atau masa apa pun yang lain, tetapi memksa dia untuk membuat perjalanan yang lebih lama untuk sampai ke tanah dia. Saya salah, dan saya menyesali hal itu. Dia sudah meninggal, tetapi saya sangat mahu

berkata kepada dia, 'Saya minta maaf.' Saya sangat mengingini peluang lagi untuk menjadi baik hati."

Semasa saya dengar kepada dia, pemerhatian yang sedih John Greenleaf Whittier masuk akal saya: "Dari semua perkataan susah dari mulut atau alat tulis, yang paling sedih adalah: "*Mungkin boleh berbeza dulu.*"<sup>11</sup> Saudara-saudari, semasa kita memperlakukan orang lain dengan kasih sayang dan timbang rasa, kita akan menghindari rasa sesal begitu.

Kasih sayang dinyatakan dengan banyak cara yang dikenali: sebuah senyuman, lambaian, perkataan yang baik, pujian. Pernyataan lain mungkin lebih susah dikenali, macam berminat kepada kegiatan orang lain, mengajar asas dengan kebaikan hati dan kesabaran, atau melawat yang sakit atau yang tidak boleh keluar dari rumah. Perkataan dan tindakan ini, dan banyak lagi, boleh menunjukkan kasih sayang.

Dale Carnegie, seorang penulis dan pengucap Amerika yang terkenal, percaya bahawa setiap orang ada dalam diri dia "kuasa untuk meningkatkan jumlah kegembiraan dalam dunia . . . dengan memberi beberapa patah kata terima kasih kepada seorang yang sepi atau yang sedih." Dia berkata, "Mungkin kamu akan lupa besok kata yang baik yang dikatakan hari ini, tetapi yang menerimanya mungkin akan menghargai perkataan itu sepanjang hidup."<sup>12</sup>

Semoga kita bermula sekarang, pada hari ini, untuk menyatakan

kasih sayang kepada semua dari anak Tuhan, sama ada mereka dalam keluarga kita, kawan kita, kenalan kita, atau orang yang kita tidak kenal. Apabila kita bangun setiap hari, semoga kita memutuskan untuk membalas dengan kasih sayang dan kebaikan hati kepada apa-apa yang terjadi kepada kita.

Sampai tidak boleh difahami, saudara-saudari saya, adalah kasih sayang Tuhan bagi kita. Sebab kasih sayang ini, dia menghantar Putera-Nya, yang menyayangi kita sampai Dia memberi kehidupan-Nya, supaya kita boleh menerima kehidupan abadi. Semasa kita memahami kurnia yang tanpa bandingan ini, hati kita akan penuh dengan kasih sayang bagi Bapa Abadi kita, bagi Juruselamat kita, dan bagi semua manusia. Supaya itu boleh terjadi adalah doa yang ikhlas saya, dalam nama suci Yesus Kristus, amin.


#### NOTA

1. Matius 22:36-39.
2. Markus 12:31.
3. 1 Yohanes 4:21.
4. Lukas 23:34.
5. Penulis tidak dikenali, dalam Richard L. Evans, "The Quality of Kindness," *Improvement Era*, Mei 1960, 340.
6. *The Teachings of Spencer W. Kimball*, ed. Edward L. Kimball (1982), 483.
7. Lihat "Injured Boy Flown to Safety," *Daily Sitka Sentinel* (Alaska), Okt. 22, 1981.
8. Moroni 7:47.
9. Gordon B. Hinckley, "Let Love Be The Lodestar of Yur Life," *Ensign*, Mei 1989, 67.
10. Lihat Ajaran dan Perjanjian 121:43.
11. "Maud Miller," dalam *The Complete Political Works of John Greenleaf Whittier* (1878), 206; tekanan ditambahkan.
12. Dale Carnegi, dalam, contohnya, Larry Chang, *Wisdom for the Soul* (2006), 54.

## Ajaran-ajaran untuk Masa Kita

**D**ari May 2014 sehingga October 2014 pelajaran-pelajaran Imamat Melkizedek dan Lembaga Pertolongan pada hari Ahad keempat harus disediakan daripada satu atau lebih ucapan yang telah diberikan dalam Persidangan Umum April 2014. Pada Oktober 2014 ucapan dapat dipilih di antara Persidangan Umum April 2014 atau Oktober 2014. Presiden-presiden pancang dan daerah wajar memilih ucapan-ucapan yang akan digunakan dalam kawasannya, atau mereka boleh membahagikan tanggungjawab ini kepada uskup-uskup dan presiden-presiden cabang.

Ucapan-ucapan ini boleh didapati (dalam banyak bahasa) di [conference.lds.org](http://conference.lds.org)



Oleh Presiden Henry B. Eyring  
Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama

# Satu Warisan Harapan yang Tidak

**P**ara saudara dan saudari yang saya kasihi, beberapa daripada kamu dijemput ke mesyuarat ini oleh mubaligh-mubaligh Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Mubaligh-mubaligh tersebut mungkin sudah menjemput kamu untuk membuat perjanjian dengan Tuhan melalui pembaptisan.

Yang lain mendengar kerana kamu menerima jemputan ibu bapa, isteri, atau mungkin seorang anak, diberikan kepada kamu dengan harapan yang kamu akan memilih untuk meletakkan perjanjian yang kamu telah buat, semula di pusat kehidupan kamu. Beberapa daripada kamu yang mendengar telah membuat pilihan untuk mengikuti Juruselamat semula dan hari ini merasa kegembiraan penerimaan-Nya.

Biar sesiapa pun kamu dan dimana kamu berada, kamu memegang di tanganmu kegembiraan orang ramai lebih dari kamu boleh gambarkan. Setiap hari dan setiap jam kamu boleh pilih untuk membuat atau menyimpan satu perjanjian dengan Tuhan.

Dimanapun kamu berada di jalan untuk menerima kurnia kehidupan abadi, kamu mempunyai peluang

untuk menunjukkan banyak orang jalan ke kegembiraan yang besar. Apabila kamu memilih untuk membuat atau menyimpan satu perjanjian dengan Tuhan, kamu akan meninggalkan satu warisan harapan kepada mereka yang mungkin mengikuti contoh kamu.

Kamu dan saya telah diberkati dengan janji warisan sedemikian. Saya berhutang banyak kegembiraan saya kepada seorang lelaki yang saya tidak pernah jumpa di kehidupan fana. Dia adalah seorang anak yatim yang menjadi salah seorang datuk moyangku. Dia meninggalkan saya satu warisan harapan yang tidak bernilai. Biarlah saya memberitahu kamu bahagian yang dia mainkan dalam menciptakan warisan tersebut untuk saya.

Namanya ialah Heinrich Eyring. Dia dilahirkan ke dalam kekayaan hebat. Ayahnya, Edward, memiliki tanah luas di Coburg, sekarang dipanggil Germany. Ibunya adalah Viscountess Charlotte Von Blomberg. Ayahnya adalah penjaga tanah Raja Prussia.

Heinrich adalah anak lelaki pertama Charlotte dan Edward. Charlotte meninggal dunia pada usia 31, selepas melahirkan anak yang ketiga.

Edward meninggal dunia selepas itu juga, kehilangan semua harta dan kekayaannya di suatu pelaburan yang gagal. Dia hanya berumur 40 tahun. Dia meninggalkan tiga anak yatim.

Heinrich, datuk moyangku, telah kehilangan kedua-dua ibu bapa dan kekayaan dunia yang besar. Dia telah miskin. Dia merakamkan dalam sejarah dia yang dia rasa harapan yang masih tinggal adalah untul pergi ke Amerika. Walaupun dia tiada keluarga ataupun kawan di sana, dia merasakan harapan untuk pergi ke Amerika. Pada awalnya dia pergi ke New York City. Kemudian dia pindah ke St. Louis, Missouri.

Di St. Louis, salah seorang daripada rakan sekerja dia adalah seorang Orang Suci Zaman Akhir. Dia menerima satu risalah yang ditulis oleh Elder Parley P. Pratt daripada rakan itu. Dia membaca dan pelajari setiap ayat yang dia terima tentang Orang Suci Zaman Akhir. Dia berdoa untuk mengetahui jika malaikat benar-benar menunjukkan diri kepada manusia, jika terdapat nabi yang hidup, dan jika dia telah menjumpai satu agama yang benar.

Selepas 2 bulan mempelajari dan berdoa, Heinrich bermimpi dan diberitahu untuk dibaptiskan. Seorang lelaki yang nama dan imamatnya saya pegang kudus dalam ingatan, Elder William Brown, melakukan tatacara injil tersebut. Heinrich dibaptiskan di dalam kolam air hujan pada Mac 11, 1855, jam 7:30 pagi.

Saya percaya yang Heinrich Eyring tahu pada masa itu apa yang saya mengajar kamu hari ini adalah benar. Dia tahu bahawa kegembiraan kehidupan abadi datang melalui

hubungan keluarga yang berterusan selama lamanya. Walaupun dia baru menjumpai rancangan kegembiraan Tuhan, dia tahu harapannya untuk kegembiraan abadi bergantung kepada pilihan orang lain untuk mengikut contoh dia. Harapannya untuk kegembiraan abadi bergantung kepada orang yang belum dilahirkan.

Sebagai sebahagian daripada warisan harapan keluarga kami, dia meninggalkan suatu sejarah kepada keluarganya.

Di dalam sejarah itu, saya boleh merasakan kasihnya untuk kita yang akan mengikutnya. Dalam kata-katanya saya merasakan harapannya untuk keturunannya memilih untuk mengikutnya dalam jalan pulang ke rumah syurgawi kita. Dia tahu bukanlah satu pilihan yang besar untuk dibuat tetapi banyak pilihan yang kecil. Saya memetik dari sejarahnya:

“Sejak pertama kali saya mendengar Elder Andrus berucap . . . Saya telah sentiasa menghadiri mesyuarat Orang Suci Zaman Akhir dan itu sangat jarang, apabila saya gagal untuk pergi ke mesyuarat, pada masa yang sama adalah tanggung jawab saya untuk berbuat demikian.

“Saya menamakan ini dalam sejarah saya supaya anak-anak saya akan mengikut contoh saya dan tidak mengabaikan tanggungjawab penting untuk bergaul dengan Orang-orang Suci.”<sup>1</sup>

Heinrich tahu yang dalam perjumpaan sakramen kita boleh sentiasa membarukan perjanjian untuk sentiasa mengingati Juruselamat dan menerima Rohnya bersama kita.

Roh itulah yang menyokong dia untuk ke misi yang hanya dipanggil selepas beberapa bulan menerima perjanjian pembaptisan. Dia meninggalkan warisan dia contohnya dalam sentiasa setia kepada misinya selama enam tahun di dalam apa yang pada masa itu dipanggil kawasan Orang asli. Untuk menerima pembebasan dari misinya, dia berjalan dari Oklahoma ke Salt Lake City, satu jarak agak-agak 1700 km.

Tidak lama kemudian dia dipanggil oleh nabi Tuhan untuk berpindah ke selatan Utah. Dari sana dia menerima satu lagi panggilan untuk melayani misi ke Germany negerinya. Dia kemudian menerima jemputan dari Rasul Tuhan Yesus Kristus untuk menolong membina koloni Orang Suci Zaman Akhir di utara Mexico. Dari sana dia dipanggil ke Mexico City untuk menjadi mubaligh sepenuh masa sekali lagi. Dia menghormati panggilan-panggilan itu. Dia dikuburkan di satu perkuburan kecil di Colonia Juárez, Chihuahua, Mexico.

Saya membaca fakta-fakta ini bukan untuk menerima kehebatan untuk dia atau apa yang dia melakukan untuk keturunannya. Saya membacanya untuk menghormati dia dan contoh iman dia dan harapan dalam hatinya.

Dia menerima panggilan-panggilan itu kerana imannya yang Kristus yang dibangkitkan dan Bapa Syurgawi telah menunjukkan diri mereka kepada Joseph Smith dalam hutan di negeri New York. Dia menerimanya kerana dia mempunyai iman yang kunci imamat dalam Gereja Tuhan telah dipulihkan dengan kuasa pemeteraian keluarga selamanya, hanya jika mereka mempunyai iman secukupnya untuk menyimpan perjanjian mereka.

Seperti moyangku, Heinrich Eyring, kamu mungkin juga orang pertama dalam keluargamu untuk menunjukkan jalan ke kehidupan abadi melalui jalan perjanjian suci yang dibuat dan disimpan dengan tekun dan iman. Setiap perjanjian datang dengan tanggungjawab dan janji-janji. Untuk kita semua, seperti untuk Heinrich, tanggungjawab tersebut kadang-kadang senang tetapi sering kali susah. Tetapi ingatlah, tanggungjawab ini kadang-kadang susah kerana tujuannya adalah untuk membantu kita dalam jalan ke kehidupan abadi bersama Bapa di Syurga dan Anak Kesayangannya, Yesus Kristus, dalam keluarga.

Kamu ingat ayat-ayat dalam buku Ibrahim:

“Dan berdirilah di antara mereka yang seperti Tuhan, dan dia berkata kepada mereka yang bersama dia: Kita akan pergi ke bawah, kerana terdapat ruang disana, dan kita akan mengambil bahan-bahan, dan kita akan membuat bumi di mana semua boleh hidup;

“Dan kita akan membuktikan kepada mereka, untuk melihat jika mereka akan membuat apa yang disuruh oleh Tuhan mereka mengarahkan mereka;

“Dan mereka yang menyimpan keadaan pertama mereka akan ditambahkan; dan mereka yang tidak menyimpan keadaan pertama mereka tidak akan menerima kemuliaan di kerajaan yang sama dengan mereka yang menyimpan keadaan pertama mereka; dan mereka yang menyimpan keadaan kedua mereka akan menerima kurnia ditambahkan kepada kepala mereka selama lamanya.”<sup>2</sup>

Menyimpan keadaan kedua kita bergantung kepada perjanjian kita dengan Tuhan dan dengan penuh iman melakukan tanggungjawab yang diminta daripada kita. Ia mengambil iman dalam Yesus Kristus sebagai Juruselamat kita untuk menyimpan perjanjian suci selama lamanya.

Kerana Adam dan Hawa jatuh, kita menerima godaan, cabaran, dan kematian sebagai warisan sejagat. Walaubagaimanapun, Bapa di Syurga yang mengasihi kita memberikan kita kurnia Anak Kesayangannya, Yesus Kristus, sebagai Juruselamat kita. Kurnia besar dan berkat Korban tebusan Yesus Kristus membawa satu warisan sejagat: perjanjian Kebangkitan dan kemungkinan untuk kehidupan abadi kepada semua yang dilahirkan.

Berkat yang paling besar daripada Tuhan, kehidupan abadi, hanya akan datang kepada kita apabila kita membuat perjanjian yang diberikan dalam Gereja benar Yesus Kristus melalui hamba-hamba-Nya yang diberi kuasa. Kerana Kejatuhan, kita semua memerlukan pembersihan pembaptisan dan penerimaan kurnia Roh Kudus. Tatacara injil ini harus dilakukan oleh



Apabila mereka lebih tua, mereka akan mengingati lagu-lagu suci yang mereka nyanyi bersama kamu. Lebih lagi daripada muzik, mereka akan mengingati ayat-ayat suci dan kesaksian. Roh Kudus boleh membawa semua hal kepada ingatan mereka, tetapi ayat-ayat suci dan lagu-lagu suci akan kekal lebih lama. Memori ini mungkin boleh membawa mereka kembali apabila mereka jauh dari jalan ke rumah kehidupan abadi.

Kita akan memerlukan penglihatan panjang apabila mereka yang kita kasihi ditarik dari dunia dan keraguan cuba mengatasi iman mereka. Kita mempunyai iman, harapan, dan kasih ihsan untuk mambantu kita menguatkan mereka.

Saya telah melihat sebagai seorang penasihat kepada dua nabi Tuhan, terdapat individu dengan personaliti yang unik. Tetapi mereka berkongsi satu keyakinan. Apabila seseorang

menyatakan kebimbangan tentang sesuatu di Gereja, jawapan kerap mereka adalah “Oh, ia akan berjalan lancar.” Dan mereka sering tahu lebih tentang perkara itu dari orang yang menyatakan kebimbangan tersebut.

Mereka juga tahu akan jalan dan cara Tuhan, dan mereka sentiasa berharap mengenai Kerajaan-Nya. Mereka tahu yang Dia adalah ketua. Dia adalah maha kuasa dan Dia mengambil berat. Kalau kamu membenarkan dia menjadi ketua keluargamu, hal-hal akan berjalan lancar.

Beberapa dari keturunan Heinrich Eyring telah jauh dari jalan. Tetapi kebanyakan dari keturunannya pergi ke bait suci Tuhan pada pukul 6:00 pagi untuk melakukan tatacara injil untuk nenek moyang yang mereka tidak pernah jumpa. Mereka keluar dari warisan harapan yang dia tinggalkan. Dia meninggalkan suatu warisan yang dituntut oleh ramai keturunannya.

Selepas apa yang kita boleh buat dalam iman, Tuhan akan mewajarkan berkat untuk keluarga kita lebih dari apa yang kita boleh bayangkan. Dia inginkan yang terbaik untuk mereka dan kita, sebagai anak-Nya.

Kita semua anak-anak seorang Tuhan yang Hidup. Yesus Nazaret adalah Anak Kesayangan-Nya dan Juruselamat yang dibangkitkan. Ini adalah Gereja-Nya. Di dalamnya terdapat kunci-kunci imamat, dan keluarga boleh kekal bersama selamanya. Ini adalah warisan harapan kita yang tidak bernilai. Saya bersaksi ini adalah benar dalam nama Tuhan Yesus Kristus, amin.

#### **NOTA**

1. Lihat renungan Henry Eyring, 1896, naskah bertaip, Pusat Sumber Sejarah Gereja, 16–21.
2. Abraham 3:24–26.
3. 3 Nefi 10:5.